

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3 Klt.34 (7)
Tarikh : 3 September 2015

**Ketua Pengarang
Oriental Daily News**

Tuan,

MAKLUM BALAS ADUAN AKHBAR ORIENTAL DAILY NEWS BERTAJUK "WARGA EMAS TIDAK DAPAT KAD PENGENALAN SELEPAS BEBERAPA TAHUN" BERTARIKH 28 OGOS 2015, JUMAAT – M.S: A38

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh **Encik Mohd Chan Heng Abdullah** berkaitan isu permohonan taraf kewarganegaraan beliau. Hasil semakan mendapati beliau pernah mengemukakan permohonan taraf kewarganegaraan di bawah Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan pada 06.03.2012. Walau bagaimanapun permohonan beliau tidak berjaya dan telah dimaklumkan melalui surat pada 23.10.2012.

3. Jabatan ini ingin menjelaskan bahawa memenuhi kesemua syarat – syarat tersebut hanya bagi melayakkan permohonan taraf kewarganegaraan dibuat. Penganugerahan status kewarganegaraan merupakan anugerah tertinggi Kerajaan yang hanya diberikan kepada mereka yang benar – benar layak dan memenuhi kesemua syarat yang ditetapkan seperti mempunyai pengetahuan asas Bahasa Melayu dan berkelakuan baik iaitu tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang menyalahi atau melanggar undang – undang.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah.

Unit Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)